

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

10. Apakah matlamat Kerajaan Negeri dalam membangunkan atlet negeri?
  - (a) Nyatakan peruntukan sejak 2013 untuk mencapai matlamat tersebut dan apakah rancangan untuk mencapai matlamat ini.

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Sukan merupakan salah satu alat (*tools*) yang boleh menyatukan sesebuah negara tanpa mengira status fahaman politik, asal usul rakyat. Hal ini dapat dilihat dalam pertandingan yang disertai oleh atlet-atlet Malaysia di perantauan antarabangsa.

Matlamat Kerajaan Negeri dalam membangunkan atlet negeri, bukan sahaja ia boleh menyatukan rakyat Pulau Pinang, malah ia dapat memupuk semangat kekitaan terhadap Negeri Pulau Pinang. Selain itu, melalui kemenangan dalam acara sukan antarabangsa seperti *Olympic, Commonwealth Games, Southeast Asian Games (SEA Games)* dan banyak lagi pertandingan-pertandingan sukan di dunia, atlet-atlet negeri dapat melaungkan nama Pulau Pinang di platform-platform tersebut. Secara tidak langsung, Pulau Pinang akan dikenali ramai dan kesannya akan dilihat melalui perkembangan ekonomi setempat seperti *foreign*

*investment* untuk membina akademi sukan atau *industry* perlancongan yang kian membangun.

- (a) Jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan sukan dan atlet negeri dari tahun 2013 hingga 2018 adalah RM97,644,740.00 seperti di **Lampiran A**.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan untuk pembangunan fasiliti sukan setiap tahun di bawah peruntukan pembangunan. Sejak tahun 2013, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sejumlah RM5,157,620.00 untuk kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan kemudahan sukan sedia ada di seluruh negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan RM1.5juta setahun bagi tujuan menaik taraf dan membina gelanggang futsal di bawah program 1 Gelanggang 1 Kadun.

Antara rancangan dan langkah bagi mencapai matlamat pembangunan atlet negeri dalam sukan berprestasi tinggi melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang berteraskan pendekatan dan pengukuhan atlet-atlet dan jurulatih adalah seperti berikut :-

- (i) Penganjuran kursus beserta bengkel pemantapan latihan kepada jurulatih sukan negeri melibatkan urutan asas sukan, balutan asas kecederaan, pertolongan cemas dan sains sukan spesifik tahap 1, 2 dan 3;
- (ii) Penganjuran seminar Pengurusan Sukan secara efektif kepada semua Persatuan Sukan Negeri, Agensi Sukan dan orang perseorangan yang terlibat dengan kemajuan sukan negeri;
- (iii) Menggerakkan proses pemantauan sukan secara berkala terhadap latihan sukan yang dijalani oleh para atlet negeri serta memastikan setiap atlet negeri menjalani latihan sekurang-kurangnya 16 hari sebulan atau sekurang-kurangnya 32 jam dalam tempoh satu bulan dengan purata waktu latihan selama 3 hingga 5 jam setiap sesi;

- (iv) Melaksanakan Kem Latihan Mingguan Atlet bagi menggandakan sesi latihan atlet-atlet negeri di bawah pengurusan pegawai sukan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, pegawai sukan Pusat Satelit Institut Sukan Negara Pulau Pinang dan Jurulatih Sukan Negeri ;
- (v) Perangkaan program psikologi dan pengukuhan mental atlet-atlet negeri ;
- (vi) Pelaksanaan Kem Motivasi Bina Semangat dan Kekuatan Mental termasuk *Shadow Camp SUKMA* untuk semua atlet-atlet negeri, para jurulatih dan pegawai-pegawai sukan ;
- (vii) Pelaksanaan program latihan suaian fizikal, aktiviti psikologi dan pelaksanaan ujian kecergasan fizikal terhadap atlet-atlet sukan negeri secara berkala bagi memastikan persediaan atlet negeri dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi ;
- (viii) Memperuntukkan bantuan subsidi kewangan kepada persatuan-persatuan sukan negeri untuk penyertaan pertandingan peringkat kebangsaan bagi memberi pendedahan sebenar kepada atlet-atlet negeri ;
- (ix) Memperuntukan bantuan pentadbiran kewangan kepada Persatuan Sukan Negeri untuk pelaksanaan program pembangunan sukan di setiap lapisan atlet bermula dari peringkat pelapis sehingga ke peringkat atlet elit dengan jumlah RM500.00 ke RM 5,000.00 bergantung kepada bilangan atlet yang mengambil bahagian dan jenis kejohanan yang disertai ;
- (x) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bersama dengan wakil Persatuan Sukan Negeri dan Jurulatih Sukan Negeri secara bulanan untuk mengukuhkan program penyediaan atlet-atlet negeri sebelum berlangsungnya Sukan Malaysia ;
- (xi) Memberikan penekanan utama untuk menambah baik serta menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan dan peralatan-

- peralatan sukan sedia ada bagi memastikan atlet dapat berlatih secara optimum dan maksimum ;
- (xii) Merancang, membangun, mengendali, memantau dan menilai program suaian fizikal bagi pembangunan fizikal atlet negeri berdasarkan perancangan tahunan *Yearly-Periodized Plans* ;
  - (xiii) Menyelia dan melaksanakan ujian fisiologikal yang saintifik dan spesifik serta memberi penilaian fisiologi secara berterusan di samping memantau tahap kecergasan bagi mengelakkan kecederaan dan meningkatkan prestasi ;
  - (xiv) Membentuk serta melaksanakan program pemakanan seimbang dan bernutrisi kepada atlet-atlet negeri serta menasihat para atlet terhadap keperluan pemakanan yang spesifik yang mendorong ke arah *Healthy Eating Habits* dan
  - (xv) Memantau berat badan atlet dan *Body Composition* melalui program pengurusan berat badan dan penilaian secara berterusan.